

KAJIAN ILMU TARANNUM PADA KITAB PENULISAN MELAYU

A STUDY OF THE KNOWLEDGE OF TARANNUM IN THE BOOK OF MALAY WRITING

Dr. Mohamad Alwi bin Ab. Rahman, Amar Danish bin Ahmad Dasuki, Muhamad Amir Syukri bin Razali, Fakhrullah bin Rusli, Akmal Hakimi bin Suhardi & Muhammad Nur Islam bin Zunaiddin

Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, 09300 Kuala Ketil, Kedah Darul Aman.

Corresponding author: alwi@unishams.edu.my

Abstrak

Sejarah membuktikan bahawa kedatangan agama Islam ke Alam Melayu ialah hasil daripada kegiatan dakwah pendatang dari Cina, India dan Arab. Hal ini secara tidak langsung memberi pengaruh kepada budaya termasuklah ilmu membaca Al-Quran serta kewujudan ilmu tarannum. Artikel ini bertujuan untuk memperkenalkan kaedah penyampaian ilmu tarannum pada kitab penulisan melayu khususnya di negara Asia Tenggara ini. Objektif mustahak kajian adalah untuk menjelaskan secara terperinci berkenaan definisi ilmu tarannum dan kitab penulisan melayu secara amnya, sejarah perkembangan ilmu tarannum dari zaman Rasulullah SAW sehinggalah zaman sekarang melalui kaedah penulisan, kaedah-kaedah ilmu tarannum tersebar ke negara Asia Tenggara, karya-karya penulisan yang terlibat bagi mededahkan ilmu tarannum, perbincangan umum kitab tarannum karya masyarakat Melayu dan tokoh-tokoh berjasa menyampaikan ilmu tarannum. Bentuk kajian dilakukan ialah melalui kepustakaan dan lapangan. Hasil kajian mendapati bahawa orang Melayu lebih gemar menurunkan ilmu tarannum secara lisan. Namun kaedah penulisan juga diambil kira serta dititikberatkan dalam mengekalkan ilmu warisan dari zaman Rasulullah SAW sehingga alaf moden ini. Kajian ini merumuskan bahawa metodologi penyampaian ilmu secara penulisan telah memudahkan para pengajar Al-Quran zaman moden untuk menyampaikan ilmu tarannum secara efektif dalam mengorak langkah melahirkan generasi professional dalam bacaan al-Quran secara bertarannum dengan kaedah yang berkesan secara teori mahupun praktikal dengan satu matlamat utama, iaitu mendapat penghayatan ketika membaca Al-Quran. Justifikasinya, penulisan ilmu tarannum pada kitab penulisan melayu telah berjaya membuktikan bahawa ilmu tarannum amat signifikan sehingga berjaya menarik minat anak muda zaman kini dan ilmu ini wajib dipelihara agar tak luput dek zaman. Hal ini dapat dilihat secara zahir melalui media sosial pada era kini telah memudahkan ilmu tarannum untuk diakses oleh penuntut ilmu

mahupun orang awam sehingga akhirnya ilmu khazanah umat Islam yang berharga ini dapat dipelihara.

PENDAHULUAN

Ilmu merujuk kepada satu pengetahuan yang amat berguna kepada manusia. Secara literalnya, ilmu merupakan kefahaman manusia terhadap sesuatu perkara. Ilmu pada dasarnya berpotensi untuk dimanfaatkan manusia sejangat. Manakala tarannum pula berasal daripada perkataan Arab iaitu tarannama, yatarannamu tarannum yang membawa maksud berdendang atau menyanyi. Menurut Dr Ruuhi al-Balbaki menyatakan bahawa kata akar bagi perkataan tarannum ini ialah rannama, yurannimu, tarnim yang membawa maksud “intonation, modulation, recital, chanting, humming and singing” iaitu yang merangkumi maksud intonasi, nyanyian dan bacaan yang baik.

Tarannum juga adalah suatu ilmu atau kaedah suara yang dipelbagaikan mengikut proses nada, rentak dan irama tertentu. Definisi tarannum dari aspek bahasa ialah menggunakan kelunakan suara dalam mendendangkan bacaan Al-Quran.¹ Istilah tarannum pula adalah bidang ilmu kaedah suara. Suara dibunyikan menerusi nada, rentak dan irama tertentu untuk menambahkan kelunakan seni dalam membaca Al-Quran. Pengertian seni pula boleh mencepai maksud rasa yang lahir dari jiwa atau rohani manusia.² Oleh yang demikian, ilmu berkaitan tarannum boleh dirujuk sebagai salah satu ilmu sains kemanusiaan, iaitu ilmu berkaitan seni, bahasa dan falsafah.³

Kitab penulisan Melayu membawa maksud penulisan masyarakat di sekitar Asia Tenggara atau penduduk nusantara berkaitan ilmu yang direkodkan dalam sebuah buku dan dianggap suatu penulisan yang lama serta amat berharga. Melayu dalam konteks ini merujuk kepada negara di kepulauan Melayu, iaitu Malaysia, Thailand, Filipina, Brunei, Indonesia dan Timur Leste.⁴ Tuntasnya, penulisan ilmu Tarannum dalam kitab penulisan Melayu boleh ditakrifkan sebagai kajian mengenai ilmu seni bacaan Al-Quran berdasarkan *metod* penulisan masyarakat di kawasan nusantara dalam menyampaikan ilmu tarannum.

SEJARAH RINGKAS KEWUJUDAN ILMU TARANNUM

Menurut kajian oleh pengkaji sejarah dan para penulis, ilmu tarannum telah bermula ketika zaman Rasullullah SAW iaitu sekitar 610 masihi di Gua Hira' iaitu sejak penurunan Al-Quran. Permulaannya ialah ketika Rasullullah SAW mendengar bacaan daripada sahabat baginda iaitu Abdullah Bin Mas'ud. Baginda gemar akan bacaan Abdullah Bin Mas'ud yang sangat merdu sehinggakan baginda memerintahkan umatnya membaca Al-Quran dengan suara yang elok serta diperindahkan lagi (tazyin / tarannum).

Antara hadis yang menyokong untuk baca Al-Quran secara berlagu ialah daripada terjemahan hadis Abu Hurairah R.A. daripada Rasulullah s.a.w bersabda “Adapun yang diizinkan oleh

¹ Mohd Ali Bin Abu Bakar (1997), *Seni Lagu al-Quran Di Malaysia*, Cet.2, Kuala Lumpur: Darul Fikir. hlm 81.

² Abdullah Yusof, Awerman Bidin, *Perkembangan Seni Muzik Dalam Peradaban Islam Di Nusantara*, hlm 51.

³ Ibid hlm 55-57.

⁴ Rusdin (2005), *Islam Dan Sastera Melayu Klasik*, STAIN Datokarama Palu, Jurusan Tarbiyah hlm.

Allah akan sesuatu perkara dan diakui perintah itu oleh Nabi SAW ialah melagukan bacaan al-Quran".¹

Jumhur ulama berpendapat bahawa hadis di atas merupakan isyarat membolehkan membaca al-Quran dengan bertarannum selama mana tidak terkeluar dari hukum-hukum tajwid.

Secara umumnya, kemunculan ilmu tarannum Al-Quran bertapak semenjak kedatangan Islam khususnya terhadap masyarakat Arab jahiliyyah Seni lagu ini tidak dapat dipisahkan dari masyarakat Arab, bahkan mereka amat meminati seni lagu (Nik Jaafar, 2012; Muhamad Nasir 2012)

Menurut catatan Sheikh Muhammad Solih Fatani dalam kitabnya Siraj al-Qari, catatan Sheykh Muhammad Solih Fatani dalam kitabnya Siraj al-Qari, pemodenan alunan tarannum khususnya muzik Arabi adalah disebabkan pengaruh Yunani. Kemudian dipopularkan oleh pakar muzik tempatan iaitu Ishak bin Ibrahim al-Mawsuli al-Nadim. Justeru, berdasarkan beberapa Hadis Sahih, sejarah tarannum al-Quran ini sebenarnya telah bermula seawal turunnya al-Quran pada peristiwa wahyu pertama iaitu Surah Al-Qalam di Gua Hira kira-kira seawal tahun 610 Masihi.

Kajian keatas kenyataan Ibn al-Arabi ada menerangkan bahawa masyarakat Arab ini sentiasa mengalunkan lagu, baik ketika menunggang unta, ketika berjalan, ketika duduk atau berehat di bawah pokok atau sedang bekerja (Mohd Ali, 2015). Apabila Islam datang dan al-Quran diturunkan, Rasulullah s.a.w. telah menggalakkan para sahabat untuk menukarkan budaya tersebut kepada membaca al-Quran secara bertarannum kerana disamping dapat untuk berhibur, ia juga menjadi ibadat dan mendapat pahala daripada Allah SWT (Nik Jaafar, 2012; Muhamad Nasir 2012; Mohd Ali, 2015).

Menurut salah satu riwayat menyatakan bahawa orang yang pertama kali menciptakan muzik ialah ahli filsafat yang bernama Batlanus Al-Hakim. Disusuli pula dengan nama Ishaq bin Ibrahim yang mampu menciptakan lagu berasal dari suara burung, angin atau air yang beriak, suara bejana yang dipalu, kayu yang diadu dan lain-lain. Hal ini menghasilkan tinggi rendahnya suatu nada yang bermacam-macam, di antaranya yaitu Husaini, Iraqi, Rast, Duka, Sika, Haftaka, Syasykah, Banjaka, Hijazi, Asyfahani, Hashar, Rahawi, Kurdi, Bayati, Auj, Hayati, Bakhi, Nairua, Shaba, Ramal, Syaurah, dan Majah.²

Menurut buku karangan Nik Jaafar (2012) iaitu buku Qawaid Tarannum menjelaskan bahawa asal usul Tarannum adalah diilhamkan dari beberapa unsur alam seperti dari bunyi-bunyian geseran kayu, dari bunyian-bunyian tiupan angin, dari bunyi bunyian kicauan burung, dan dari bunyi-bunyian air yang mengalir. Bunyi-bunyian tersebut kemudiannya digubah menjadi seni lagu oleh para penyair untuk dijadikan berbagai irama Tarannum mengikut adat budaya masing-masing.

Kaedah ini bertujuan untuk menarik masyarakat Arab Jahiliyyah ketika itu untuk mengisi keperluan rohani dan mempedengarkan di telinga-telinga mereka mengenai isi kandungan al-Quran. Dalam kebanyakan Hadis-hadis Sahih, di antaranya adalah sebagaimana yang diriwayatkan oleh al-Imam al-Bukhari dalam kitabnya al-Jamial-Sahih yang menunjukkan isyarat keharusan membaca al-Quran secara bertarannum atau berlagu.

¹ Irsyad Al-Hadith Wa-Ulumuhu Siri Ke-42, Menghias Suara Ketika Membaca Al-Quran.

² Khadijah Shalihah, Perkembangan Seni Baca Al-Quran dan Qiraat Tujuh di Indonesia, op. cit. hlm. 45.

Kemudian pada zaman tabi'in muncul pula qari-qari seperti Alqamah bin Qis di Kufah (Tahun 62 hijrah). Abdullah b Saib di Mekah (70 hijrah) dan lain-lain. Begitulah sejarah pembacaan Al-Quran bertarannum yang terus berkembang sehingga ke hari ini.

Oleh kerana tarannum sesuatu yang bersifat seni pendengaran (sima'i), maka Jumhur qurra bersepakat bahawa tidak diketahui secara sanadnya bagaimanakah bacaan berlagu Rasulullah s.a.w. itu. Ketika zaman keagungan Islam dahulu, cabang-cabang ilmu Islam begitu pesat berkembang serta mempunyai berbagai aliran (mazhab)

PERKEMBANGAN SEJARAH ILMU TARANNUM KE ALAM MELAYU MENURUT KITAB MELAYU

Tarannum dalam budaya masyarakat nusantara atau terkenal sebagai Kepulauan Melayu telah menerima kedatangan Islam seawal 7 masihi oleh para ulama yang majoritinya dalam kalangan pedagang. Hal ini dapat dirujuk melalui penemuan Hamka yang telah membuat kajian menggunakan sumber Cina dan tulisan T.W. Arnold menyebut peranan dakwah yang dimainkan oleh para pedagang Arab di rantau Alam Melayu dan dunia sebelah timur adalah sekitar abad ketujuh Masih.¹

Antara bukti zahir yang menunjukkan ilmu berkaitan Islam dan tarannum tersebar di Tanah Melayu adalah menerusi penemuan batu nisan Syeikh Abdul Kadir Ibn Husayn Shah Alirah bertarikh 290H/902M di Tanjung Inggeris Alor Setar Kedah, batu nisan bertulisan Arab yang ditemui di Teluk Cik Munah Pekan Pahang bertarikh 419H/1028M membuktikan bahawa Islam telah bertapak di rantau ini sejak abad ke-10. Seterusnya teori ilmu tarannum mula popular di Tanah Melayu adalah sekitar tahun 90 an melalui penemuan Batu bersurat Terengganu yang ditemui di tebing Sungai Tersat pada tahun 1902 dan penganjuran Pertandingan Tilawah Al-Quran peringkat antarabangsa di Malaysia.²

Manakala ilmu naghah atau ilmu tarannum di tersebar di Indonesia ialah melalui Syeikh Maulana Malik Ibrahim. Setelah agama Islam masuk ke Indonesia, para Mubaligh dan Kiai³ mulai mengajarkan ilmu mengenai agama Islam kepada rakyat dan penduduk Indonesia. Ilmu pertama yang diajarkan adalah ilmu membaca Al-Quran yang akhirnya berkembang dengan pesat. Mereka membaca Al-Quran secara klasik dengan Mujawwad, tahqiq dan tartil, akan tetapi lagu dan iramanya masih belum kelihatan tangga nadanya. Keadaan seperti ini berlangsung selama beberapa abad sampai menjelang abad ke 20 Masihi.⁴

Kesan kedatangan Islam ke Alam Melayu akhirnya membawa kepada kemunculan karya penulisan berkaitan ilmu tarannum. Menurut catatan karya pertama yang diterbitkan di Nusantara yang menyentuh tentang seni lagu al-Quran ialah karya penulisan Syeikh Muhammad Salleh Zainal Abidin al-Fatani iaitu Siraj al-Qari yang diterbitkan pada tahun 1938

¹ Arba'iyah Mohd Nor, 2011, Perkembangan Pensejarahan Islam Di Alam Melayu, dalam Jurnal Al Tamadun Bil. 6 (2011) hlm 29-50.

² Mohd Ali 1997 hlm 133.

³ Kiai berasal dari bahasa Jawa. Secara tradisinya, para pelajar Islam di Indonesia akan belajar di sebuah sekolah asrama yang dikenal sebagai pesantren. Pemimpin sekolah dipanggil kyai, sebagai bentuk penghormatan. Perkataan tradisional untuk guru dalam Islam adalah ustad, yang merupakan kata peribahasa. Terdapat banyak para ustad di Indonesia yang mengajar agama, tetapi kebanyakan mereka tidak memiliki sekolah asrama.

⁴ KH. Muhsin Salim (2004), Ilmu Nagham al-Quran, Cet. 2, Indonesia: Pt. Kebayoran Widya Ripta. h 1-117.

oleh syarikat al-Nahdi Wa Awladuhu yang berpusat di Thailand. Kesenambungan daripada karya penulisan ini

Maka wujudlah beberapa penulisan yang berikutnya yang berkaitan dengan disiplin ilmu ini seperti karya penulisan Syeikh Abdullah al-Qari bin Haji Salleh yang bertajuk Kursus Qari dan Qariah pada tahun 1972 dibawah percetakan Aman Press Sdn. Bhd, penulisan Tuan Haji Nik Ja'far Nik Ismail yang berjudul Qawaid Tarannum yang diterbitkan oleh syarikat Darul Fikir pada tahun 1998, karya penulisan Mohd Ali Abu Bakar yang berjudul Seni Lagu al-Quran Di Malaysia pada tahun 1990 melalui syarikat percetakan yang sama.

Di Indonesia pula antara karya popular diterbitkan antaranya ialah karya penulisan Misbahul Munir yang berjudul Ilmu & Seni Qiro'atil Quran yang diterbitkan pada tahun 2005 melalui syarikat percetakan Binawan di Semarang dan Ilmu Nagham al-Quran oleh Kiyai Haji Muhsin Salim pada tahun 2000 melalui percetakan PT. Kebayoran Widya Ripta.¹

Bermula dari kurun ke-20 Masihi sehingga kini, agama Islam terus berkembang tanpa perlu berpaut kepada mubaligh atau pendakwah Islam dari negara India, China dan Arab. Perkembangan positif ini memberi impak kepada keperihatinan masyarakat Melayu dalam menghayati al-Quran melalui aspek tarannum. Perkara ini jelas dilihat dengan penguasaan masyarakat Nusantara dalam pertandingan musabaqah tilawah al-Quran. Pertandingan ini merupakan agenda tahunan dunia Islam dalam mempromosikan ketulenan dan kesucian al-Quran al-Karim.

Di Malaysia, Musabaqah Tilawah al-Quran di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dianjurkan seawal tahun 1960, iaitu pada malam 18 Mac 1960 bersamaan 20 Ramadhan. Melalui musabaqah Al-Quran, Malaysia telah diberi gelaran "*Balad al-Quran*" atau negara yang menghormati al-Quran.² Aktiviti ini merupakan salah satu kaedah menarik minat umat Islam dalam memperdengarkan bacaan al-Quran dengan baik. Pertandingan ini turut memperkenalkan kurikulum bacaan al-Quran yang betul seperti bidang tahsin al-Quran, tajwid, tarannum dan fasahah.³

KARYA-KARYA PENULISAN ILMU TARANNUM MENURUT KITAB TARANNUM DI NUSANTARA

1.Qowaid At-Tarannum

Karya ini merupakan hasil penulisan Tuan Haji Nik Ja'far Nik Ismail yang dihasilkan pada tahun 1997 dan diterbitkan setahun berikutnya oleh syarikat percetakan Darul Fikir. Karya ini mempunyai 175 halaman bercetak dan merupakan rujukan utama dalam seni lagu al-Quran di Malaysia dari pelbagai peringkat pengajian yang berkaitan dengan disiplin ilmu ini.

Karya penulisan ini terbahagi kepada empat topik utama manakala aspek seni lagu atau tarannum merupakan suatu bab sahaja. Namun begitu pengisiannya adalah padat dan memenuhi aspek yang dibahaskan dalam disiplin ilmu ini. Hal demikian dapat dirujuk dalam

¹ Mohd Zaini Zakaria, Mohd Yusof Ismail, Penulisan Karya Seni Lagu Al-Quran: Satu Tinjauan, hlm 4.

² Mohd Ali Bin Abu Bakar (1997), hlm 137.

³ Mohd Zaini Zakaria, Adnan Mohamed Yusoff, Norakyairee Mohd Raus (2018), Buku Seni Tarannum Al-Quran, hlm 40.

kandungan karya ini khususnya berkaitan seni lagu al-Quran pada topik yang ketiga yang menyentuh tentang pengenalan tarannum, ciri-ciri tarannum yang muhtabar, sejarah umum mengenai tarannum, pemodenan tarannum arab, peranan dan pemanjangan budaya tarannum bi al-Quran, sejarah tarannum di kepulauan Melayu, falsafah serta peranan bacaan al-Quran dengan berlagu, asas tarannum Hijazi dan Misri, sistem tarannum di Malaysia serta pengenalan setiap lagu-lagu yang terdapat dalam pembacaan al-Quran yang terdiri dari sifat, peranan serta sejarahnya. Tuan Haji Nik Ja'far Nik Ismail juga turut menyentuh tentang fungsi tarannum al-Quran, kategori, penyusunan tarannum yang berkesan dan teknik persembahan.¹

2. Seni Lagu Al-Quran Di Malaysia

Karya ini merupakan hasil penulisan Mohd Ali Abu Bakar yang diterbitkan oleh Darul Fikir Sdn. Bhd. di mana cetakan awalnya bermula pada tahun 1990 dan kemudian diulang cetak pada tahun 1997 yang mempunyai 192 halaman bercetak. Karya penulisan ini merupakan kitab berkaitan dengan seni bacaan al-Quran atau tarannum yang lengkap, iaitu kandungannya lebih memfokuskan kepada disiplin ilmu tarannum yang membincangkan seni lagu al-Quran, seni suara lagu al-Quran, syarat-syarat seni lagu al-Quran, pembahagian seni lagu al-Quran, perkembangan seni lagu al-Quran, tokoh-tokoh lagu al-Quran mengikut negeri di Malaysia, peranan lagu terhadap pembacaan al-Quran serta sejarah Majlis Tilawah al-Quran di Malaysia. Sejarah berkaitan perkembangan ilmu tarannum sampai ke Tanah Melayu juga dikemukakan dalam kitab oleh Mohd Ali Abu Bakar ini.

Dalam perbincangan seni lagu al-Quran, Mohd Ali Abu Bakar cuba mengenengahkan beberapa teori yang berkaitan dengan seni lagu al-Quran yang diinspirasikan daripada beberapa tokoh yang terkenal. Manakala dari sudut seni suara pula beliau mengemukakan beberapa metod atau kaedah untuk meperelokkan suara, penjagaan dan latihan pengawalan nafas, tingkatan suara serta peranannya disampingkan memberi beberapa tip atau petua berkaitan dengan suara ketika membaca al-Quran.

3. Kursus Qari Dan Qariah

Karya ini telah dihasilkan oleh Syeikh Abdullah al-Qari bin Haji Salleh pada tahun 1972 di Kelantan yang mempunyai 236 halaman. Penulisan karya ini merupakan penerapan ilmu yang khusus terhadap para pembaca al-Quran yang terdiri daripada golongan qari dan qariah. Hal ini dapat disingkap melalui penulisannya yang dibahagikan kepada dua topik utama iaitu membicarakan hal berkaitan dengan tajwid al-Quran dan membicarakan hal berkaitan teknik bacaan al-Quran

Perbincangan mengenai seni bacaan al-Quran atau tarannum secara khusus dalam buku ini dapat dilihat pada topik yang kedua sahaja yang bermula daripada halaman 161 hingga 178 di mana terdapat dua sub-topik berkaitan dengannya iaitu membaca Quran dengan berlagu.

Dalam sub-topik ini penulis banyak membawakan hadith-hadith berkaitan dengan keharusan membaca al-Quran dengan berlagu dari pelbagai sumber rujukan disamping petikan beberapa ayat al-Quran yang bersesuaian dengan perkara yang diperbahaskan. Selain itu pandangan para ulama juga turut dimuatkan yang merangkumi pandangan *fuqaha*, *muhadithin* dan *mufasssirin* dalam membicarakan hukum membaca al-Quran secara berlagu dari perspektif Islam.

¹ Mohd Zaini Zakaria, Mohd Yusof Ismail, Penulisan Karya Seni Lagu Al-Quran: Satu Tinjauan, hlm 5.

Selain itu Syeikh Abdullah al-Qari turut menyatakan kesan dan pengaruh lagu dalam pembacaan al-Quran.

4. Disekitar lagu-lagu Quran

Sub-topik ini merupakan yang keenam dalam topik yang kedua di mana Syeikh Abdullah al-Qari memuatkan beberapa aliran lagu yang masyhur dalam pembacaan al-Quran seperti aliran Hijazi dan aliran Misri. Karya ini juga turut menjelaskan tingkatan suara yang bersesuaian dengan setiap lagu yang hendak dibaca supaya dapat menggambarkan pengertian atau maksud kandungan ayat-ayat al-Quran menjadi matlamat pengibadatan kepada Allah S.W.T.

5. Ilmu Naghham al-Quran

Ilmu Naghham al-Quran merupakan sebuah karya asli hasil penulisan Kiyai Haji Muhsin Salim. Karya ini merupakan panduan kepada semua qari dan qariah untuk mempelajari kaedah-kaedah membaca al-Quran dengan lagu yang telah ditetapkan mengikut kaedah seni baca al-Quran (SBA) di Indonesia. Karya ini mula diterbitkan pada bulan Oktober 2000 kemudian diulang cetak pada Mei 2004 oleh syarikat percetakan PT. Kebayoran Widya Ripta. Penulisan karya ini mempunyai 117 halaman bercetak dan terbahagi kepada 45 topik dan subtopik. Kiyai Haji Muhsin Salim memula penulisan karya dengan perbincangan mengenai pengertian naghham Quran serta sejarah kewujudan lagu-lagu al-Quran. Selain itu perbincangan juga turut menyentuh versi-versi lagu al-Quran, perkembangan seni al-Quran di Mesir dan penularan versi atau aliran ini ke Indonesia. Selain itu karya ini juga turut mengenengahkan lagu-lagu utama dalam seni lagu al-Quran serta kaedah praktikal setiap lagu berdasarkan kepada kaedah maqro. Kaedah ini dipraktikkan melalui beberapa ayat yang berkaitan dengan beberapa peristiwa seperti nuzul al-Quran, Isra' dan Mikraj dan lain-lain.¹

PERBAHASAN UMUM KITAB TARANNUM KARYA PENULISAN NUSANTARA

Bagi mendapatkan maklumat, metodologi yang digunakan di dalam penulisan ini adalah dengan menggunakan pendekatan kaedah analisis dokumen seperti kitab Tarannum yang dikarang oleh Haji Nik Jaafar Nik Ismail iaitu Buku Qawaid Tarannum; Cara Berlagu tahun 2012, karangan Mohd Ali Abu Bakar iaitu Seni lagu Al-Quran di Malaysia Tahun 2015 dan kitab Seni Tarannum al-Quran karya Mohd Zaini Zakaria, Adnan Mohamed Yusoff dan Norakyairee Mohd Raus serta artikel-artikel penulisan berkaitan ilmu Tarannum. Tinjauan awal juga dilakukan terhadap qari-qari di Malaysia dan Indonesia bagi mengenalpasti topik umum dan subtopik penulisan kitab untuk melagukan ayat Al-Quran secara berlagu (Tarannum).

Seperti yang telah dikaji, penulisan berkaitan ilmu tarannum al-Quran di nusantara telah dipengaruhi oleh aliran Arab Misri seperti Tarannum Bayyati, Hijaz, Rast, Jiharkah, Nahawand, Sikah dan Soba. Setiap satu daripada Tarannum tersebut mempunyai sifat-sifat serta unsur yang tersendiri serta peranannya. Perbahasan umum pada setiap kitab adalah berkaitan sejarah dan perkembangan ilmu tarannum, cara melagukan, aliran utama lagu,

¹ Mohd Zaini Zakaria, Mohd Yusof Ismail, Penulisan Karya Seni Lagu Al-Quran: Satu Tinjauan, hlm 6.

pembahagian seni lagu al-Quran, tokoh-tokoh terkenal dan sejarah musabaqah tilawah al-Quran di Malaysia.

DAPATAN KAJIAN

Hasil daripada kajian terhadap karya dan penulisan Tarannum yang dikarang oleh Haji Nik Jaafar Nik Ismail iaitu Buku Qawaid Tarannum; Cara Berlagu tahun 2012, karangan Mohd Ali Abu Bakar iaitu Seni lagu Al-Quran di Malaysia Tahun 2015 dan kitab Seni Taranum al-Quran karya Mohd Zaini Zakaria, Adnan Mohamed Yusoff dan Norakyairee Mohd Raus serta artikel-artikel penulisan berkaitan ilmu tarannum merumuskan terdapat persamaan topik perbincangan setiap kitab yang telah diketengahkan supaya pembaca dapat menghayati pembawakan ilmu tarannum di samping belajar teknik-teknik pembacaan, iaitu:

- 1.Seni Lagu Al-Quran dan mukjizat Al-Quran
- 2.Sejarah perkebanggan ilmu Taranum
- 3.Lagu Tarannum
- 4.Tokoh ilmu tarannum

TOKOH ILMUWAN TARANNUM DI NUSANTARA MENURUT KITAB TARANNUM

1. Haji Hasan bin Musa

Haji Hasan bin Musa merupakan seorang tokoh qari tarannum yang terkenal di Malaysia dan di seluruh Nusantara mengenalinya. Beliau terkenal dari segi aspek bacaan berlahjah Arabiah. Keistimewaan dan kekuatan beliau itu telah membuatkan namanya terus melonjak dengan prinsip bacaannya yang berlahjah kearaban. Haji Hasan bin Musa dilahirkan ketika perang dunia yang kedua meletus (1942).

Haji Hasan bin Musa adalah seorang yang amat mencintai ilmu pengetahuan, tambahanpula beliau telah diberikan dengan didikan yang cukup dalam disiplin ilmu pengetahuan terutama ilmu-ilmu teras seperti fiqh, tauhid, hadith, tafsir, al-Quran dan sebagainya.

Sumbangan tokoh kepada masyarakat

Haji Hasan bin Musa juga turut mengajar di beberapa buah masjid dan tempat-tempat pengajian antaranya ialah:

1. Masjid as-Salam, Pengkalan Chepa, Kota Bharu
2. Masjid Bandar Tempat
3. Masjid Jamek Tok Uban, Pasir Mas & lain lain lagi

Selain itu, Haji Hasan juga diberi peluang untuk berkongsi ilmu tarannum kepada masyarakat melalui saluran radio Kelantan. Disamping itu, beliau juga dapat banyak permintaan untuk

menjadi guru tarannum kepada masyarakat luar. Oleh sebab demikian, pada tahun 2001, sebuah pusat Tahfiz al-Quran di Singapore berminat bagi mendapatkan khidmatnya terutama dalam bidang tarannum.

2. Tuan Guru Haji Nik Jaafar bin Haji Nik Ismail

Nama penuh beliau ialah Tuan Guru Haji Nik Jaafar bin Haji Nik Ismail bin Haji Nik Haron bin Haji Nik Wan Ahmad bin Tengku Mahmood. Beliau dilahirkan pada tahun 1936, Kampung Kerasak, Bunut susu, Daerah Psir Mas, Kelantan Darul Naim. Beliau seorang guru agama di Kelantan.

Sumbangan tokoh kepada masyarakat

1. Telah berjaya menubuhkan dua buah pusat Pengajian al-Quran di Pasir Mas
2. Beliau juga telah berjaya mengarang beberapa buah kitab mengenai ilmu Tarannum:-
3. Qawai'd At-Tarannum: Diterbitkan khusus untuk memperkenalkan kurikulum bacaan al-Quran dengan lebih sempurna.
4. Qawai'd Qabla At-Tilawah: Memahami kaedah membaca al-Quran
5. Panduan Tartil Al-Quran 1/ Panduan Tartli Al-Quran 2/ Memahami membaca al-Quran secara tartil.

KESIMPULAN DAN RUMUSAN

Penulisan karya seni lagu al-Quran merupakan sautu pemangkin kepada disiplin ilmu ini untuk terus berkembang selari dengan ilmu yang lain seterusnya melakar transformasi pengajian seni lagu itu sendiri di Nusantara. Ini akan member satu kesan kkepada masyarakat dalam membudayakan al-Quran dalam kehidupan insan. Sebagai Umat Islam, kita mestilah memartabatkan ilmu tarannum dalam era globalisasi ini agar ilmu ini dapat diwarisi dan dipenuhi pakar-pakar Al-Quran. Akhir sekali, penulisan berkaitan dan ilmu berkaitan tarannum perlu disebarikan melalui media sosial supaya ilmu ini mudah dipelajari setiap lapisan masyarakat.

RUJUKAN

Abdullah al-Qari Hj Salleh (2002), *Kursus Qari dan Qariah*, Cet.26, Kelantan: Pustaka Aman Press

Sdn. Bhd.

Hj Nik Ja'far Bin Nik Ismail (1998), *Qawaid Tarannum*, Cet. 1, Kuala Lumpur: Darul Fikir.

KH. Muhsin Salim (2004), *Ilmu Naghham al-Quran*, Cet. 2, Indonesia: Pt. Kebayoran Widya Ripta

Lembaga Bahasa Dan Ilmu Al-Quran (LBIQ) DKI Jakarta (1987), *Belajar Membaca Al-Quran Dengan Lagu*.

Misbahul Munir (2005), *Ilmu & Seni Qiro'atil Qur'an*, Cet.1, Indonesia: Binawan Semarang.

Mohd 'Ali Bin Abu Bakar (1997), *Seni Lagu al-Quran Di Malaysia*, Cet.2, Kuala Lumpur: Darul Fikir.

Mohd Sujairi Makhtar (2010) *Involment And Contribution of Haji Nik Jaafar bin Nik Ismail In Tarannum, Academic Project Report*, USIM: Faculty of Quranic and Sunnah Studies.

Muhammad Salleh Zainal Abidin al-Fatani (1938) *Siraj al-Qari*, Cet.1, Thailand: Maktabah Wa al-Matba'ah al-Nahdi Wa Auladuhu.

Nur Azilah Azib (2010) *The Writing Methodology of the Book "Seni Lagu Al-Quran di Malaysia"* Academic Project Report, USIM: Faculty of Quranic and Sunnah Studies.